

Praktis PT3 Bahagian A

Pilih peribahasa paling sesuai.

1. Zahari akan bertanya gurunya jika tidak memahami sesuatu topik yang dipelajarinya kerana baginya
 - A alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.
 - B malu bertanya sesat jalan, malu berkayuh perayu hanyut.
 - C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
 - D belakang parang kalau diasah lagi tajam.
2. Kumar tetap menepati janjinya untuk menghantar buku ke rumah Chong Lei walaupun sibuk dengan pelbagai urusan. Hal ini demikian kerana
 - A air dicencang takkan putus.
 - B banyak orang banyak ragamnya.
 - C di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
 - D kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya.
3. Walaupun lemah dalam pelajaran, Aziah tidak berputus asa. Dia gigih belajar dan akhirnya telah berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.
Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah
 - A alah bisa tegal biasa.
 - B alang-alang mandi biar basah.
 - C belakang parang kalau diasah lagi tajam.
 - D air yang tenang jangan disangka tiada buaya.
4. Pengetahuan Mei Ling tentang teknologi maklumat dan isu semasa amat cetek kerana dia tidak mahu meneroka bidang tersebut. Keadaan ini samalah seperti
 - A rumput di tepi jalan.
 - B katak di bawah tempurung.
 - C melukut di tepi gantang.
 - D harimau menyembunyikan kukunya.
5. Puan Kamariah mengamalkan amalan menabung dan turut mengajar anak-anaknya menabung sejak kecil kerana
 - A alah bisa tegal biasa.
 - B melentur buluh biarlah dari rebungnya.
 - C ketam mengajar anaknya berjalan betul.
 - D di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
6. Sekiranya kita ingin mengetahui sesuatu perkara, bertanyalah kepada orang yang arif dalam bidang tersebut.
Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah
 - A jauh hari juga yang mengenal manikam.
 - B bagaimana acuan begitulah kuihnya.
 - C harimau menyembunyikan kukunya.
 - D mengukur baju di badan sendiri.

Praktis PT3 Bahagian B

Tulis peribahasa yang paling sesuai berdasarkan ayat-ayat di bawah ini.

1. Dayana gemar membaca kerana membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

2. Berkat kerajinan Amirah membuat latihan, belajar secara berkumpulan, dan mengikuti tuisyen, akhirnya dia berjaya mendapat keputusan yang cemerlang.

3. David sentiasa mengisi masa lapangnya dengan aktiviti yang berfaedah seperti membaca buku dan melakukan aktiviti riadah kerana baginya masa sangat berharga.



4. Sewaktu belajar di luar negara, Latifah menghormati adat resam dan budaya hidup masyarakat di sana.

5. Sunita berbelanja secara sederhana sahaja kerana gajinya tidak besar.
